

UB415 B A H  
DEWAN - PKM

KUALA TERENGGANU, 6 DIS (BERNAMA) -- DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU HARI INI DIBERITAHU BAHAWA SARANAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR HOHAHAD KEPADA PAS AGAR MENCONTOHI PARTI KOMUNIS MALAYA (PKM) MENGHENTIKAN PERJUANGAN HEREKA BUKAN BERMAKNA PERDANA HENTERI MENYAMAKAN IDEOLOGI PAS DENGAN IDEOLOGI KOMUNIS.

MENTERI BESAR, TAN SRI HAJI WAN MOKHTAR AHMAD BERKATA, APA YANG DIHAKSUDKAN OLEH PERDANA MENTERI IALAH PAS HENDAKLAH MENGNENTIKAN PERJUANGANNYA YANG MEMECAH BELAHKAN UMAT ISLAM SAMA SEPERTI LANGKAM YANG DIAMBIL OLEH PKM MELETAKKAN SENJATA BARU-BARU INI, DEMI PERPADUAN UMAT DAN KESEJAHTERAAN NEGARA.

+PERDANA MENTERI MEMBUAT SARANAN ITU DENGAN HARAPAN PAS MENYEDARI BAHAWA PERJUANGANNYA SELAMA INI TIDAK MENDAFAT SOKONGAN MAJORITI RAKYAT KERANA IA MENGANJURKAN PERPECAHAN,+ UJAR BELIAU KETIKA MENGGULUNG PERBAHASAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (1990) 1989 YANG DIBENTANGKAN DUA HARI LEPAS.

RANG UNDANG-UNDANG YANG MEMBOLEHKAN KERAJAAN NEGERI MENGELUARKAN WANG SEJUMLAH \$318.3 JUTA DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN DEPAN ITU KEHUDIAN DILULUSKAN SETELAH DIBAMAS DENGAN PANJANG LEBAR OLEH SEBAHAGIAN BESAR ANGGOTA DEWAN.

KATA MENTERI BESAR, APA YANG BOLEH DISUMBANGKAN OLEH PEMIMPIN-PEMIHPIN PAS KEPADA NEGARA IALAH TIDAK LEBIH DARIPADA BERCAKAP DAN APA YANG TELAH BERJAYA DILAKUKAN OLEH HEREKA HASIL PERCAKAPAN ITU IALAH HEWUJUDKAN KEJADIAN-KEJADIAN BERSEMBANYANG DUA IMAM, BERJEHAH DI DUA HASJID DAN MENGKEBUMIKAN MAYAT DI DUA KUBUR BERASINGAN. -- LAGI

2018HST 06 12 89

D724

UB416 B A H  
DEWAN - PKM 2 KUALA TERENGGANU

BELIAU KESAL DENGAN KENYATAAN BENDAHARI PUSAT PAS, HAJI MUSTAFFA ALI SEHALAM YANG MENYIFATKAN SARANAN DATUK SERI DR MAHATHIR ITU SEBAGAI SATU SARANAN YANG BIADAB.

KATANYA, SEBAGAI SEORANG PEHIHPIN SEBUAH PARTI POLITIK YANG MENDAKWA MEMPERJUANGKAN ISLAM SEBAGAI ADDIN, PERKATAAN SEUMPAMA ITU TIDAK SEPATUTNYA DIKELUARKAN.

PAS, KATA TAN SRI HAJI WAN MOKHTAR, SENGAJA MEMUTAR-BELITKAN KENYATAAN PERDANA HENTERI ITU SEHINGGA SANGGUP MENGANGGAP BELIAU (PERDANA HENTERI) MENYAMAKAN PAS DENGAN PKM.

+APA YANG DIMAKSUDKAN OLEH PERDANA MENTERI IALAH, PAS MENCONTOHI PKM DARIPADA SEGI TINDAKAN IAITU PKM MELETAKKAN SENJATA DAN PAS PULA MENGHENTIKAN PERBUATAN MEHECAH BELAHKAN RAKYAT,+ TEGAS BELIAU.

BELIAU JUGA HENAFIKAN DAKWAAN ANGGOTA-ANGGOTA PAS YANG TURUT MEMBAHASKAN RANG UNDANG-UNDANG ITU KONONNYA KERAJAAN AKAN MENSWASTAKAN PERKHIDHATAN KESIHATAN DI NEGARA INI.

KATANYA, APA YANG SEDANG DALAM PERANCANGAN KERAJAAN IALAH PENSWASTAAN PERKHIDMATAN PENYEDIAAN HAKANAN DAN PENJAGAAN KEBERSIMAN HOSPITAL, BUKAN PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATANNYA.

PENGERUSI JAWATANKUASA KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN NEGERI, DATUK HAJI ABU BAKAR DAUD PULA HEMBERITAHU DEWAN, ANAK-ANAK SYARIKAT PERBADANAN HEHAJUKAN IKTISAD NEGERI (PMINT) TELAH HENCATAT KEUNTUNGAN SEBANYAK \$19.3 JUTA DALAH TEHPOH SEHBILAN BULAN PERTAHA TAHUN INI DAN LEBIH \$10 JUTA SEPANJANG TAHUN LEPAS HASIL KEGIATAN PERUSAHAAN DAN PERNIAGAAN YANG DIJALANKAN. -- LAGI

2021HST 06 12 89

0725

U B417 BAH  
DEWAN - PKM 3 KUACA TERENGGANU

BELIAU MENGAKUI BAHWA BEBERAPA BUAH ANAK SYARIKAT PMINT ITU TELAH MENGALAMI KERUGIAN SEPANJANG TEMPOH NEGARA MENGHADAPI KEMELESETAN EKONOMI DARIPADA TAHUN 1985 HINGGA 1987.

MENURUTNYA, KAJIAN SEDANG DIJALANKAN KE ATAS BEBERAPA ANAK SYARIKAT PERBADANAN ITU YANG TERUS MENGALAMI KERUGIAN WALAUPUN KEADAAN EKONOMI TELAH PULIH. JIKA PERLU ANAK-ANAK SYARIKAT ITU MUNGKIN DITUTUP ATAU DISUSUN SEMULA.

PERSIDANGAN DEWAN SELAMA TIGA HARI YANG BERAKHIR HARI INI TERPAKSA DILANJUTKAN SEHINGGA LEWAT PETANG INI BAGI MENYELESAIKAN URUSAN-URUSANNYA. SEBELUM DITANGGUHKAN DUA RANG UNDANG-UNDANG LAIN TURUT DILULUSKAN.

RANG UNDANG-UNDANG ITU IALAH ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (1989) (NO.3) 1989 DAN ENAKMEN PERUNTUKAN DIRAJA (PINDAAN) 1989. ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN ITU BERTUJUAN MEMBOLEHKAN PENGELUARAN WANG SEBANYAK \$103.1 JUTA DARIPADA KUWPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN INI MANAKALA ENAKMEN PERUNTUKAN DIRAJA BERTUJUAN MENAMBAH PERUNTUKAN SEBANYAK \$78,208 BAGI GAJI KAKITANGAN ISTANA DAN BELANJA-BELANJA ISTANA.

TURUT DILULUSKAN IALAH TIGA USUL YANG BERKAITAN DENGAN PERBELANJAAN-PERBELANJAAN BAGI PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN DAN BEKALAN AIR DI NEGERI XNI.

DEWAN JUGA MELULUSKAN CADANGAN MENYAMBUNG PERKHIDMATAN DUA ORANG ANGGOTA DEWAN NEGARA DARIPADA NEGERI INI IAITU ENCIK MUSTAFFA AWANG YANG TAMAT TEMPOH PERKHIDMATANNYA PADA 2 DIS LEPAS DAN PUAN HABIDAH JUSUH YANG AKAN TAMAT TEMPOH PERKHIDMATANNYA PADA 23 DISINI. - -  
BERNAMA

2023tIST 06 12 89